

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
ISU-ISU PERUBATAN DALAM PERSPEKTIF ISLAM**

1. TAJUK PERSOALAN

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) Negeri Selangor mengenai isu-isu perubatan dalam perspektif Islam.

2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN.

2.1 Bayi Tabung Uji

2.1.1 Benih suami isteri **HARUS** dikandungkan oleh isteri sendiri sekiranya suami masih hidup.

2.1.2 Benih suami isteri **HARAM** dikandungkan oleh wanita lain.

2.1.3 Benih suami isteri yang telah ditabung ujikan **HARAM** dimasukkan kedalam rahim isteri sekiranya suami telah meninggal dunia terlebih dahulu kerana perbuatan ini boleh membawa kepada fitnah.

2.1.4 **HARUS** menghapuskan telur-telur yang telah disenyawakan di dalam tabung uji dengan menyelamatkan satu telur sahaja, untuk dikandungkan kerana telur-telur tersebut masih belum bernyawa.

2.2 Gugur Kandungan

2.2.1 Anak yang dikandung yang berkemungkinan cacat **HARUS** digugurkan atas nasihat doktor pakar. Sekiranya sudah bernyawa, hukumnya **HARAM** digugurkan.

2.3 Merawat Benih

- 2.3.1 Benih yang dikenal pasti oleh doktor pakar sebagai cacat/*down syndrome* **HARUS** dirawat oleh doktor supaya bila lahir menjadi anak yang normal.
- 2.3.2 **HARUS** menghentikan kelahiran anak yang jika dilahirkan diadapati cacat yang tidak boleh berfungsi sebagai manusia biasa.
- 2.3.3 **HARUS** memakan ubat yang mengeluarkan banyak telur untuk kesuburan sekiranya tidak menjejaskan kesihatan.

2.4 Masalah Merancang Keluarga

- 2.4.1 **HARUS** memakan pil perancang keluarga sekiranya tidak menjejaskan kesihatan serta dipersetujui suami isteri.
- 2.4.2 **HARUS** mengikat rahim sekiranya dalam keadaan darurat. **HARAM** memotong rahim kecuali dalam keadaan darurat atas nasihat doktor pakar.
- 2.4.3 **HARUS** meletakkan IUD dalam rahim sekiranya dipersetujui suami isteri.

2.5 Rawatan Bagi Penggantian Hormon

- 2.5.1 **HARUS** menerima rawatan penggantian hormon bagi wanita yang telah monopouse untuk kesejahteraan keluarga.

- 2.6 Perempuan yang baru dirogol **HARUS** mendapatkan ubat pencegah hamil bagi menjaga maruah wanita tersebut.

- 2.7 Bagi ibu yang mengandung yang didapati kandungannya itu boleh membahayakan kesihatan dirinya setelah mendapat pengesahan daripada doktor pakar, **HARUS** menggugurkan kandungannya bagi menyelamatkan si ibu.
- 2.8 **HARAM** melakukan mercy killing/ pembunuhan belas kasihan kepada pesakit yang sedang koma.